

LAWATAN penanda aras Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke Semenanjung baru-baru ini berjaya mencatat sejarahnya yang tersendiri.

Program anjuran Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS ini disertai oleh seramai 33 orang yang terdiri daripada guru-guru besar dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pelajaran Sabah yang sedang menyertai program pensiswazahan di universiti ini.

Lawatan penanda aras itu dikatakan berjaya mencatat sejarahnya yang tersendiri kerana ia merupakan program lawatan yang julung-julung kalinya diadakan oleh para pelajar PKPGB UMS bagi tujuan penanda aras.

Program lawatan ini adalah hasil cetusan idea Penyelaras PKPGB UMS, Dr Shukri Zain, dengan mendapat sokongan penuh daripada pihak pengurusan tertinggi Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS.

Program ini juga merupakan satu tugas yang mensasarkan penglibatan pelajar PKPGB UMS dalam membincangkan isu-isu makro dan mikro bersama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Institut Aminudin Baki Genting Highlands (IAB), Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Sekolah Berprestasi Tinggi SK Bukit Damansara Kuala Lumpur, dan Pengurusan Parlimen.

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kepada pelajar PKPGB UMS Kohot 7 dalam memantapkan peranan sebagai pentadbir dan pemimpin sekolah sebagai pusat sehenti pembelajaran yang menjadi sumber maklumat dan pendidikan

kepada para pelajar, warga sekolah dan masyarakat.

Lawatan penanda aras ini juga diharapkan akan dapat membina dan meningkatkan pengetahuan pemimpin peringkat sekolah terhadap isu-isu khas yang membabitkan pengurusan kualiti dalam pendidikan. Di samping itu, para peserta lawatan juga akan dapat mempelajari aspek kepimpinan dan pengurusan berkualiti yang diamalkan oleh organisasi tertinggi kerajaan.

Perkongsian ilmu, budaya dan pengalaman dengan pengurusan pendidikan dan pengurusan organisasi yang dilawati diharapkan akan dapat diaplikasikan untuk meningkatkan kualiti pengurusan di sekolah masing-masing.

Sementara itu, lawatan ini melakarkan pelbagai kenangan manis buat peserta lawatan, khususnya kunjungan ke bangunan Parlimen di mana para peserta diberi peluang untuk menyaksikan persidangan Parlimen secara terus. Lebih indah lagi untuk dikenang apabila Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Hj Mulia telah meluangkan masa berjumpa dan menjawab pelbagai persoalan daripada peserta rombongan di bilik tetamu.

Dalam ucapan ringkasnya, Pandikar menyeru agar para pemimpin di peringkat sekolah terus meningkatkan ilmu pengetahuan sebagai persediaan menghadapi cabaran masa hadapan.

"Sabah memerlukan kepimpinan pendidikan yang dinamik dan berwawasan tinggi demi untuk memastikan prestasi pencapaian akademik dalam semua peringkat terus meningkat dan akhirnya dapat menandingi negeri-negeri lain di Semenanjung," katanya.



PESERTA rombongan mengabadikan kenangan bersama Pandikar di Bilik Tetamu.

Merentasi lautan menimba ilmu

► Lawatan penanda aras PKPGB UMS amat bermakna, mencatat sejarah

Pandikar yang kelihatan amat gembira dengan kunjungan dari pelajar PKPGB UMS, turut sempat menghulurkan cenderamata kenang-kenangan kepada semua peserta rombongan.

Peserta rombongan juga telah dijamu makan tengahari oleh Ahli Parlimen Silam, Dr Haji Salleh Kalbi. Beliau yang meluangkan masa hampir satu jam turut memberikan pelbagai info berhubung fungsi Parlimen.

Lawatan ke Parlimen merupakan destinasi terakhir yang dikunjungi oleh rombongan PKPGB UMS di mana destinasi pertama rombongan ini adalah Institut Aminudin Baki (IAB) Genting Highlands.

Semasa di IAB Genting Highlands, peserta

“Sabah memerlukan kepimpinan pendidikan yang dinamik dan berwawasan tinggi demi untuk memastikan prestasi pencapaian akademik dalam semua peringkat terus meningkat dan akhirnya dapat menandingi negeri-negeri lain di Semenanjung.”

TAN SRI PANDIKAR AMIN HJ MULIA
Yang Dipertua Dewan Rakyat



MENDENGAR taklimat di Bilik Rakaman BTP.

rombongan telah diberi taklimat khusus mengenai peranan IAB dalam program pensiswazahan guru besar yang kini telah sampai ke kohot yang ke-7. Taklimat disampaikan oleh Penyelaras PKPGB IAB, Nik Marini Nik Abd Malik. Turut berucap di majlis perjumpaan ini ialah Ketua Pusat Pengurusan

Pembangunan IAB, Abdul Mokti Ahmad.

Bersesuaian dengan objektif lawatan untuk lawatan, rombongan turut singgah di Ibu Pejabat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Putrajaya, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Taklimat disasarkan kepada penjelasan mengenai laluan kerjaya



PESERTA rombongan turut berkesempatan bertemu dengan Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Puad Zarkashi.

peserta PKPGB. Di samping itu juga, peserta rombongan turut didedahkan mengenai pengurusan akaun dan kewangan.

Sebagai pelengkap kepada misi mencari dan menghimpun formula kecemerlangan pelajar, peserta rombongan turut mengadakan lawatan ke Sekolah Berprestasi Tinggi SK Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Taklimat disampaikan oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Zarina Jamil.

Tidak terlepas menerima kunjungan rombongan PKPGB ialah Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia (BTP). Selain mendengar penjelasan mengenai fungsi BTP, para peserta juga berpeluang mengemukakan masalah yang dihadapi oleh pihak

pengurusan sekolah di Sabah khususnya yang berkaitan dengan teknologi pendidikan.

Paling mencuri tumpuan ialah isu talian internet di kawasan pedalaman Sabah khususnya yang menggunakan talian TM V-sat. Talian internet yang menggunakan teknologi V-sat dikatakan sering menghadapi masalah gangguan talian.

Sehubungan itu, para peserta rombongan mahu pihak bertanggungjawab membaiki keadaan demi memudahkan urusan pentadbiran yang kini banyak menggunakan sistem atas talian (*online*).

Sempena lawatan ke BTP ini juga para peserta rombongan telah didedahkan dengan kerja-kerja rakaman dan suntingan di Unit TV Pendidikan.



PESERTA rombongan berpeluang duduk di Bilik Persidangan lama Dewan Negara.